



**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

**POTONGAN CUKAI  
KE ATAS PENAJAAN AKTIVITI  
KESENIAN, KEBUDAYAAN DAN  
WARISAN**

**KETETAPAN UMUM NO. 2/2021**

**TARIKH PENERBITAN: 8 JULAI 2021**



**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

**POTONGAN CUKAI KE ATAS  
PENAJAAN AKTIVITI KESENIAN,  
KEBUDAYAAN DAN WARISAN**

**Ketetapan Umum No. 2/2021  
Tarikh Penerbitan: 8 Julai 2021**

---

Diterbitkan oleh  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Edisi Pertama

© 2021 oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Semua hak cipta terpelihara ke atas Ketetapan Umum ini adalah milik Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Satu salinan cetak atau elektronik boleh dibuat untuk kegunaan peribadi. Firma dan persatuan profesional dibenarkan untuk menggunakan Ketetapan Umum ini untuk tujuan latihan sahaja. Penerbitan semula secara sistemik atau berganda, pengedaran ke pelbagai lokasi melalui elektronik atau cara lain, duplikasi apa-apa bahan dalam Ketetapan Umum ini untuk bayaran atau tujuan komersil, atau pengubahsuaian kandungan Ketetapan Umum adalah dilarang sama sekali.

<b>KANDUNGAN</b>	<b>Muka surat</b>
1. Objektif	1
2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan	1
3. Tafsiran	1
4. Pengenalan	2
5. Permohonan Kelulusan Penajaan dan Surat Kelulusan bagi Potongan Cukai	2
6. Potongan Cukai	4
7. Penafian	8

#### **KETETAPAN UMUM KETUA PENGARAH**

Seksyen 138A Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah mempunyai kuasa untuk membuat Ketetapan Umum berkenaan dengan pemakaian mana-mana peruntukan dalam ACP.

Ketetapan Umum diterbitkan sebagai panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Ia menggariskan tafsiran Ketua Pengarah berhubung peruntukan tertentu undang-undang cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketua Pengarah boleh menarik balik, sama ada keseluruhan atau sebahagian daripada Ketetapan Umum ini melalui notis penarikan balik atau dengan penerbitan Ketetapan Umum yang baharu.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**

**1. Objektif**

Objektif Ketetapan Umum (KU) ini adalah untuk menjelaskan potongan cukai ke atas syarikat yang menaja aktiviti kesenian, kebudayaan dan warisan tempatan dan asing yang diluluskan di Malaysia.

**2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan**

- 2.1 KU ini mengambil kira Undang-Undang yang berkuatkuasa pada tarikh KU ini diterbitkan.
- 2.2 Peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) yang berkaitan dengan KU ini adalah seksyen 2, 21, 21A, subseksyen 33(1), perenggan 34(6)(k) dan seksyen 39.

**3. Tafsiran**

Perkataan yang digunakan dalam KU ini mempunyai maksud berikut:

- 3.1 “Pendapatan larasan” berhubung dengan suatu punca dan suatu tempoh asas, bermaksud pendapatan berkanun seperti yang ditentukan mengikut ACP.
- 3.2 “Tempoh asas” berhubung dengan seseorang, suatu puncanya dan suatu tahun taksiran, bermaksud suatu tempoh asas, sekiranya ada, seperti yang ditentukan mengikut seksyen 21 atau seksyen 21A ACP.
- 3.3 “Tahun Taksiran” tertakluk kepada subseksyen 2(5) ACP bermaksud tahun kalender.
- 3.4 “Orang” termasuk suatu syarikat, suatu kumpulan orang, suatu perkongsian liabiliti terhad dan suatu perbadanan tunggal.
- 3.5 “Menteri” bermaksud menteri yang bertanggungjawab ke atas kesenian, kebudayaan dan warisan di Malaysia.

#### 4 Pengenalan

Kesenian, kebudayaan dan warisan di Malaysia telah menyumbang kepada tarikan kedua-dua pelancong domestik dan antarabangsa terutamanya pihak yang mempunyai minat yang mendalam dalam bidang warisan dan kesenian. Di dalam usaha untuk membangunkan kesenian, kebudayaan dan warisan, pihak kerajaan melalui Bajet 2020 telah meningkatkan had potongan cukai di dalam penajaan untuk menggalakkan sebarang tajaan bagi aktiviti kesenian, kebudayaan atau warisan yang telah diluluskan oleh Menteri. Penajaan bagi aktiviti kesenian, kebudayaan dan warisan yang layak adalah program yang dianjurkan bersama-sama dengan pihak kementerian, jabatan kerajaan atau agensi di sektor swasta, badan bukan kerajaan atau persatuan. Tajaan dari pihak swasta dan korporat ke atas aktiviti tersebut adalah layak bagi potongan cukai.

#### 5 Permohonan Kelulusan Penajaan dan Surat Kelulusan bagi Potongan Cukai

Berdasarkan kepada garis panduan permohonan potongan cukai yang berkaitan dengan penajaan aktiviti kesenian, kebudayaan dan warisan yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC), sebarang tajaan mestilah memenuhi pelbagai kriteria bagi kelayakan potongan cukai.

##### 5.1 Aktiviti atau tajaan program yang layak

Pihak MOTAC telah mengenalpasti beberapa aktiviti dan program yang berkaitan dengan kesenian, kebudayaan dan warisan yang layak bagi potongan cukai:

**No. Aktiviti yang layak atau program**

- (a) Persembahan pentas
- (b) Penganjuran festival/ pesta
- (c) Pameran atau ekspo
- (d) Persidangan, seminar, bengkel, simposium dan wacana
- (e) Pemeliharaan atau pemuliharaan
- (f) Penyelidikan, dokumentasi atau percetakan
- (g) Rakaman atau penggambaran
- (h) Pertandingan
- (i) Pengiktirafan atau penghargaan

- (j) Pendidikan atau pembelajaran
- (k) Promosi atau pembangunan
- (l) Pemasaran, promosi produk atau aktiviti
- (m) Inovasi
- (n) Kandungan pembangunan
- (o) Penyimpanan atau pewujudan rekod atau data
- (p) Lain-lain aktiviti dan program yang berkaitan dengan kesenian, kebudayaan dan warisan yang diiktiraf oleh MOTAC.

**5.2 Bentuk penajaan (tunai/ kos bayaran penganjuran aktiviti/ berbentuk derma dan sebagainya)**

Bentuk tajaan bagi kesenian, kebudayaan dan warisan tempatan dan asing yang telah ditentukan oleh MOTAC adalah seperti berikut:

**No. Bentuk tajaan**

- (a) Tunai
- (b) Yuran profesional dan artis
- (c) Pembelian barangan dan peralatan
- (d) Pembayaran kos penganjuran aktiviti seperti kos makanan dan minuman, logistik, penginapan, sewaan tapak, teknikal atau sistem bunyi dan penataan cahaya, hiasan, keselamatan, peralatan dan utiliti
- (e) Kos (dalam bentuk tunai atau manfaat lain) bagi sesebuah produksi (produk) yang diluluskan oleh MOTAC
- (f) Tajaan hadiah
- (g) Sumbangan berbentuk peralatan atau kelengkapan atau tempat
- (h) Kos pemuliharaan dan pemeliharaan tapak warisan
- (i) Sumbangan material seperti bangunan bersejarah, monumen dan artifak
- (j) Kos aktiviti dan program penyelidikan dan pembangunan
- (k) Kos aktiviti dan program bagi pemasaran dan promosi
- (l) Sebarang bentuk penajaan yang diiktiraf oleh MOTAC

### 5.3 Permohonan surat penajaan

Pihak penganjur, wakil atau pemilik program yang bercadang untuk menjalankan aktiviti atau program yang dirancang perlu menghantar dan melengkapkan borang berkaitan kepada pihak MOTAC. Borang permohonan perlu dihantar dalam tempoh 30 hari sebelum aktiviti atau program dilaksanakan. Selepas meneliti permohonan aktiviti atau program yang dipohon, pihak MOTAC akan mengeluarkan surat sokongan penganjuran bagi sebarang penajaan. Dengan adanya surat penajaan, sebarang penajaan boleh diperolehi daripada pihak swasta atau korporat.

Untuk maklumat lanjut berhubung permohonan surat tajaan, sila rujuk kepada garis panduan berkaitan permohonan potongan cukai yang telah dikeluarkan oleh MOTAC melalui laman sesawang [www.motac.gov.my](http://www.motac.gov.my) .

### 5.4 Permohonan surat kelulusan bagi potongan cukai

Pihak penganjur, wakil atau pemilik program perlu menghantar permohonan kepada pihak MOTAC tidak lewat dari 90 hari selepas aktiviti atau program dilaksanakan untuk mendapatkan surat kelulusan potongan cukai.

Untuk maklumat lanjut berhubung permohonan surat tajaan, sila rujuk kepada garis panduan bertajuk Potongan Cukai Penajaan Aktiviti Kesenian, Kebudayaan Dan Warisan di bawah subseksyen 34(6) (k) Akta Cukai Pendapatan 1967 yang telah dikeluarkan oleh MOTAC melalui laman sesawang [www.motac.gov.my](http://www.motac.gov.my) .

## 6 Potongan Cukai

### 6.1 Penentuan pendapatan larasan

Secara umumnya di dalam menentukan pendapatan larasan daripada perniagaan bagi tempoh asas untuk suatu tahun taksiran, potongan yang dibenarkan di dalam pendapatan kasar bagi perbelanjaan yang dilakukan dalam menghasilkan pendapatan di bawah subseksyen 33(1) ACP adalah tertakluk kepada sebarang larangan spesifik di bawah seksyen 39 ACP.

## 6.2 Peruntukan khas

Bagi tajaan yang diluluskan di bawah aktiviti kesenian, kebudayaan dan warisan, satu peruntukan khas di perenggan 34(6)(k) ACP yang memperuntukkan potongan cukai daripada pendapatan kasar ke atas tajaan tersebut. Bagi menentukan pendapatan larasan, satu potongan bersamaan dengan perbelanjaan yang dilakukan oleh orang dalam suatu tempoh untuk penajaan aktiviti kesenian, kebudayaan atau warisan yang diluluskan oleh Menteri adalah dibenarkan.

## 6.3 Had potongan

Berdasarkan kepada perenggan 34(6)(k) ACP, amaun potongan perbelanjaan yang dilakukan untuk penajaan aktiviti kesenian, kebudayaan dan warisan mestilah secara agregat tidak melebihi satu juta ringgit (RM1juta) di mana amaun potongan perbelanjaan yang dilakukan bagi tajaan aktiviti kesenian, kebudayaan dan warisan asing mestilah tidak melebihi tiga ratus ribu ringgit (RM300 ribu).

Sebelum tahun taksiran 2020, had potongan bagi penajaan aktiviti kesenian, kebudayaan dan warisan hanya RM700,000 di mana potongan bagi penajaan aktiviti kesenian, kebudayaan dan warisan asing juga berjumlah RM300,000.

## 6.4 Surat kelulusan potongan cukai (penuntut) dan dokumen berkaitan terhadap aktiviti/ program (penganjur/ wakil/ pemilik program) hendaklah disimpan bersama-sama dengan dokumen asal dan perlu dikemukakan semasa pemeriksaan audit oleh LHDNM.

### **Contoh 1**

XY Sdn Bhd menyokong promosi dan kemajuan bagi aktiviti kesenian, kebudayaan dan warisan dengan menyediakan dana untuk pemeliharaan dan pemuliharaan bagi tapak warisan di Malaysia. Suatu perjanjian penajaan bagi aktiviti yang diluluskan dengan pihak penganjur telah dibuat. Syarikat telah menutup akaun kewangan pada 31 Disember setiap tahun. Bagi tahun berakhir 31.12.2020, pihak syarikat telah menaja wang tunai ke atas 3 aktiviti dan jumlah perbelanjaan agregat adalah RM 1



juta. Pihak penganjur telah menerima surat kelulusan potongan cukai daripada pihak MOTAC selepas setiap aktiviti selesai dilaksanakan. Berdasarkan kepada surat kelulusan, XY Sdn Bhd telah membuat tuntutan potongan cukai di bawah perenggan 34(6)(k) ACP.

Untuk menentukan pendapatan larasan perniagaan bagi XY Sdn Bhd bagi tahun tahun berakhir 31.12.2020, potongan sebanyak RM 1 juta yang bersamaan dengan jumlah perbelanjaan agregat yang ditanggung oleh syarikat yang telah menaja pemeliharaan dan pemuliharaan bagi tapak warisan di Malaysia adalah dibenarkan.

## Contoh 2

Fakta adalah sama seperti Contoh 1 kecuali XY Sdn Bhd telah menaja program tambahan yang diluluskan di mana melibatkan aktiviti kesenian dan kebudayaan asing. XY Sdn Bhd telah menaja yuran artis profesional tempatan dan asing berjumlah RM1 juta dan RM300,000 pada tahun berakhir 31.12.2020. Untuk tahun taksiran 2020, XY Sdn Bhd telah menanggung RM1.3 juta untuk tajaan aktiviti kesenian, kebudayaan dan warisan tempatan dan asing. Amaun potongan bagi XY Sdn Bhd adalah seperti berikut:

Penajaan bagi Aktiviti Kesenian, Kebudayaan dan Warisan	Perbelanjaan yang Dilakukan (RM)	Amaun Perbelanjaan Dibenarkan (RM)	
		Pilihan 1	Pilihan 2
Tempatan	1,000,000	Dihadkan kepada 700,000	1,000,000
Asing	300,000	300,000	-
<b>Jumlah</b>	<b>1,300,000</b>	<b>1,000,000</b>	<b>1,000,000</b>

Nota: Potongan bagi tujuan perenggan 34(6)(k) boleh dibuat berdasarkan kepada pilihan 1 atau 2.

### **Contoh 3**

Fakta adalah sama seperti Contoh 1 kecuali XY Sdn Bhd telah menaja RM650,000 dan RM250,000 bagi persidangan kesenian dan kebudayaan tempatan dan asing masing-masing. Bagi tahun taksiran 2020, XY Sdn Bhd telah menanggung RM900,000 bagi penajaan persidangan kesenian dan kebudayaan tempatan dan asing. Amaun potongan yang dibenarkan oleh XY Sdn Bhd di bawah perenggan 34(6)(k) ACP berjumlah RM900,000 bagi tahun taksiran 2020. Jumlah perbelanjaan yang dilakukan bagi tahun taksiran 2020 adalah dibenarkan selaras dengan maksud perenggan 34(6)(k) ACP. Jumlah tajaan bagi aktiviti kesenian, kebudayaan dan warisan tempatan dan asing tidak melebihi RM1 juta di mana aktiviti kesenian, kebudayaan dan warisan asing tidak melebihi RM300,000 bagi tahun taksiran 2020.

### **Contoh 4**

RS Sdn Bhd terlibat dengan satu perjanjian dengan Kerajaan Sarawak berkaitan dengan penajaan bagi aktiviti kesenian, kebudayaan dan warisan. Syarikat telah menutup akaun kewangan pada 31 Disember setiap tahun. Syarikat telah menaja kos penganjuran acara tempatan dan asing di Malaysia masing-masing berjumlah RM100,000 dan RM500,000 bagi tahun taksiran 2020. Amaun potongan yang dibenarkan bagi tajaan aktiviti kesenian, kebudayaan dan warisan tempatan dan asing bagi tahun taksiran 2020 di bawah perenggan 34(6)(k) ACP adalah berjumlah RM400,000.

Walaupun jumlah tajaan bagi kedua-dua aktiviti tempatan dan asing adalah RM400,000 (tidak melebihi RM1 juta) di mana aktiviti penajaan bagi acara asing adalah RM500,000 (melebihi RM300,000) bagi tahun taksiran 2020, potongan bagi tajaan untuk aktiviti penganjuran acara asing dihadkan kepada RM300,000 berdasarkan kepada proviso perenggan 34(6)(k) ACP.

Penajaan bagi Aktiviti Kesenian, Kebudayaan dan Warisan	Perbelanjaan yang Dilakukan (RM)	Amaun Perbelanjaan Dibenarkan (RM)
Tempatan	100,000	100,000
Asing	500,000	Dihadkan kepada 300,000
<b>Jumlah</b>	<b>600,000</b>	<b>400,000</b>

## 7 Penafian Tuntutan

Contoh-contoh dalam KU ini adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan tidak menyeluruh.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**